

Dedah golongan tubuh republik Islam — Rahim

MELAKA, Khamis — Kerajaan hari ini digesa mendedahkan kegiatan golongan yang cuba menukarkan sistem kenegaraan negara ini kepada sebuah negara republik Islam.

Kerajaan juga perlu menyiasat rapi serta mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang terbabit.

Ketua Menteri Datuk Abdul Rahim Tamby Chik berkata, usaha golongan itu bukan sahaja bertentangan dengan Perlembagaan dan sistem politik negara, malah ia boleh menggugat kewujudan institusi Raja-Raja negara ini.

Bellau berkata demikian semasa menyokong kenyataan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam di Kuala Terengganu baru-baru ini mengenai kegiatan golongan itu.

Datuk Musa sewaktu merasmikan Ijtimak Ulama Semalaysia kedua baru-baru ini berkata, se golongan puak pembangkang telah membuat keputusan untuk merisik peluang mendapatkan latihan senjata dari sebuah negara lain bagi mewujudkan sebuah republik Islam di negara ini melalui revolusi.

Katanya, golongan itu tertarik dengan penubuhan sebuah republik di negara ini melalui kekerasan dan politik kekerasan.

Datuk Rahim berkata, tindakan tegas memang patut diambil ke atas golongan ini memandangkan kegiatan mereka mengeneipkan Perlembagaan negara, menghancurkan sistem politik dan institusi Raja-Raja negara ini.

Tertarik

Umno Bahagian Alor Gajah yang mengadakan perbincangan tergepar petang ini bagi membincangkan perkara itu sebulat suara mengesa Kerajaan Persekutuan supaya mendedahkan nama mereka yang terbabit.

Tiga Bahagian Umno lagi di negeri ini iaitu Bahagian Jasin, Batu Berendam dan Kota Melaka akan mengadakan mesyuarat tergepar untuk membuat ketetapan mengenai perkara itu.

Ketua Umno Bahagian Kota Melaka Datuk Haji Hassan Mansur mengesahkan mesyuarat tergepar bahagiannya akan diadakan malam esok.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia